

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 2 DISEMBER 2024

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 1, NO. 2, NO. 10 HINGGA NO. 45)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status semasa pelaksanaan Intervensi Kurikulum Murid Tahap Satu bagi menangani isu keciciran pembelajaran dan sejauh manakah penjajaran semula standard pembelajaran dan kandungan bagi mata pelajaran sains dan matematik memberi impak positif terhadap bebanan para guru di sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memperbaiki kurikulum agar relevan dengan keperluan murid. Dalam usaha menangani isu keciciran pembelajaran dalam kalangan murid Tahap Satu, KPM telah melaksanakan pemantauan yang sistematik untuk mengenal pasti isu dalam pelaksanaan intervensi kurikulum.

Dalam usaha memperkasa kurikulum di sekolah rendah, KPM telah menyediakan Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 untuk mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris, yang digunakan mulai Sesi Akademik 2024/2025. Dokumen ini memberi guru pilihan untuk menggunakan dokumen kurikulum sedia ada atau Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3. Dokumen penjajaran ini memastikan kandungan pembelajaran lebih fokus kepada konsep asas dan membantu mengurangkan beban guru serta boleh digunakan bersama Modul Bimbingan (MOBIM) Tahap I. MOBIM bertujuan membantu guru menyusun perancangan pengajaran yang lebih berstruktur dan bersesuaian dengan tahap murid.

Berdasarkan tinjauan awal dalam talian yang dijalankan dari 6 Jun hingga 21 Jun 2024 yang melibatkan 20,930 orang guru Sains dan Matematik Tahap I, seramai 18,321 orang guru telah menggunakan Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 dalam pengajaran mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru memilih untuk memanfaatkan dokumen penjajaran bagi membantu mereka merancang pengajaran yang lebih sistematik dan berkesan.

Di samping itu, dalam konteks menangani isu keciciran pembelajaran, dan bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M), KPM mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pengesanan awal literasi dan numerasi serta Program Intervensi Tahun 1 seawal tiga bulan selepas mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sesi akademik 2024/2025.

NO SOALAN : 1

Bermula Sesi Akademik 2024/2025, seramai 448,113 murid Tahun 1 telah melalui saringan pengesanan awal literasi dan numerasi. Hasil saringan tersebut, seramai 122,062 murid (27.24%) dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas 3M. Murid ini mengikuti Program Intervensi Tahun 1 Fasa 1 dan diberi bimbingan secara berfokus melalui pendekatan pengajaran yang lebih intensif mulai Julai hingga September 2024.

Berdasarkan analisis data yang berakhir pada 30 Oktober 2024, seramai 48,308 murid (39.58%) berjaya menguasai kemahiran asas 3M. Murid ini telah kembali mengikuti pembelajaran dan pengajaran (PdP) di kelas biasa. Manakala 73,754 murid (60.42%) yang belum mencapai tahap penguasaan meneruskan intervensi untuk Fasa 2 untuk tempoh tiga (3) bulan (Oktober sehingga Disember). Bagi murid yang masih belum menguasai kemahiran asas 3M selepas menjalani intervensi Fasa 2, mereka akan dicalonkan untuk mengikuti intervensi dalam Program Pemulihan Khas yang dilaksanakan oleh guru pemulihan apabila di Tahun 2. Program ini menyediakan bimbingan secara intensif untuk memastikan mereka mendapat perhatian yang sewajarnya sehingga mampu mencapai tahap literasi dan numerasi yang diharapkan.

Selain itu, KPM turut bekerjasama dengan Kementerian Kewangan melalui Program Anak Kita, yang diterajui oleh Unit Pantau MADANI dan Yayasan Hasanah. Program ini bertujuan untuk menangani isu keciciran pembelajaran, dengan fokus khusus kepada peningkatan tahap literasi dan numerasi dalam kalangan murid Tahun 2 hingga Tahun 6.

Dalam usaha ini, seramai 53,252 murid daripada 1,288 sekolah rendah di tujuh negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Sabah dan Sarawak telah dilibatkan. Tahun 2024, sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini, manakala tambahan RM30 juta lagi diperuntukkan untuk pelaksanaan tahun 2025.

KPM komited dalam memastikan setiap inisiatif yang diperkenalkan terus dipantau dan diperbaiki dari semasa ke semasa demi kebaikan guru dan murid di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian yang berjaya dicapai pada setiap tahun bermula tahun 2015 sehingga Ogos 2024 bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi. Berhubung perkara ini, pencapaian PPMPT yang berjaya dicapai dapat dilihat berdasarkan tiga (3) fasa berikut:

- i. **Fasa 1 (2015): Membina momentum dan meletakkan asas.** Tahun 2015 merupakan tahun pertama pelaksanaan PPPM(PT). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memastikan pencapaian segera untuk memulakan momentum dan menyediakan asas transformasi. Seawal tahun pertama ini, KPT telah berjaya:
 - a. Melancarkan **Program Transformasi Universiti** dan menghasilkan *UniTP Green Book: Enhancing University Board Governance and Effectiveness*. Buku panduan ini telah menjadi rujukan bagi universiti.
 - b. Melaksanakan **penstrukturan semula organisasi** Kementerian dan model operasi baharu iaitu pewujudan semula KPT sebagai sebuah Kementerian baharu selepas sektor pendidikan tinggi berpisah daripada KPM.
 - c. Melancarkan **program CEO@Faculty** yang melibatkan pemimpin industri/ pengarah urusan syarikat atau kepimpinan kanan sektor awam dalam pengajaran dan pembelajaran IPT.
- ii. **Fasa 2 (2016-2020): Memacu peningkatan sistem.** Fasa ini fokus untuk memacu peningkatan sistem melalui pelbagai inisiatif dan program. Antara yang telah berjaya dilaksanakan adalah:

- a. **Peningkatan interaksi bersama industri dan komuniti**, pelaksanaan program sarjana muda 2+2 serta memanfaatkan pembelajaran di luar kampus seperti di industri atau masyarakat. Ini dapat dilihat dengan penawaran program 2u2i sarjana muda di UMK, UPM, UniSZA dan UTM.
 - b. Memperkenal **insentif penubuhan tabung endowmen atau waqf** oleh IPT awam dan swasta, termasuk pemberian dana padanan dan pengecualian cukai.
 - c. **Mentransformasi PTPTN** sebagai Tabung Pendidikan Malaysia, dengan skim simpanan dan insentif yang telah ditambah baik
- iii. Fasa 3: Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi.** Fasa 3 ini merupakan fasa penting di mana KPT dan seluruh dunia berdepan dengan cabaran pasca COVID-19. Mengambil kira cabaran keperluan semasa, pihak KPT telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan transformasi pendidikan tinggi tercapai. Ini termasuk:
- a. **Mengemaskini dasar dan garis panduan** untuk mengambil kira keperluan Kemahiran abad ke-21 dalam kurikulum supaya cabaran global dan masa depan dapat ditangani graduan. Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional (*National Review Committee on Higher Education Policy - NRC*) telah dilantik bagi menyemak dan menilai polisi semasa pendidikan tinggi melalui polisi-polisi baharu, memperkukuh polisi sedia ada dan memansuh polisi yang tidak relevan.
 - b. Melengkapkan **penjenamaan semula TVET** bagi menjadikannya haluan pilihan. Ini termasuk transformasi politeknik yang telah meningkatkan ekosistem TVET. Data

NO SOALAN : 2

Kemasukan Pelajar MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti juga menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

- c. Menyokong perubahan dan pencapaian Program Transformasi Universiti yang mencapai keunggulan di peringkat serantau dan global dalam bidang tujahan masing-masing. Sebagai contoh, pembukaan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Doha, Qatar (UKM Qatar) yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia membuktikan kecemerlangan UKM di persada antarabangsa.

2. Penilaian pencapaian prestasi dibuat secara berterusan bagi memastikan kemajuan pendidikan tinggi terus menyumbang nilainya kepada negara. Pencapaian setiap Lonjakan PPPM (PT) ini dipantau berdasarkan program yang dilaksanakan di bawah setiap inisiatif dan melalui pelaporan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan syarat kelayakan dan dokumen diperlukan untuk warga asing memandu dalam negara serta tindakan lebih tegas menangani isu warga asing memandu tanpa lesen memandu sah yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kelayakan dan dokumen diperlukan untuk warga asing memandu dalam negara terbahagi kepada tiga (3) iaitu mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Malaysia iaitu:

- (a) *Convention on Road Traffic Geneva*, 19 September 1949;
- (b) *Agreement on the Recognition of Domestic Driving License Issued by Asean Countries* Kuala Lumpur, 9 Julai 1985; dan
- (c) *Mutual Recognition Agreement* (MRA) bagi Pengiktirafan Lesen Memandu.

2. Merujuk kepada ***Convention on Road Traffic Geneva, 19 September 1949***, warga asing yang memegang lesen memandu daripada negara pejanji bagi perjanjian ini hendaklah mengemukakan Lesen Memandu Negara Luar yang sah dan berkuatkuasa berserta *International Driving Permit* (IDP).

3. Manakala, ***Agreement on the Recognition of Domestic Driving License Issued by Asean Countries Kuala Lumpur, 9 Julai 1985***, menyatakan bahawa warga asing daripada negara-negara ASEAN boleh memandu di Malaysia hanya dengan mengemukakan Lesen Memandu Negara masing-masing yang sah dan berkuatkuasa serta lesen memandu tersebut hendaklah menggunakan bahasa yang boleh difahami.

4. Selain itu, Kerajaan Malaysia juga membenarkan rakyat negara asing memandu di Malaysia di bawah *Mutual Recognition Agreement* (MRA) di antara Kerajaan Malaysia dengan negara tersebut. Pada masa ini, Malaysia mempunyai MRA dengan negara Maldives dan sedang dalam perundingan dengan beberapa negara lain, antaranya ialah China, Korea dan UAE.

NO SOALAN : 10

5. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah menguatkuasakan tindakan tegas berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan [Akta 333]. Mana-mana individu yang didapati memandu tanpa lesen yang sah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM300 dan tidak melebihi RM2,000.

6. Kenderaan yang dipandu oleh warga asing tanpa lesen memandu yang sah boleh disita di bawah Seksyen 64(1) [Akta 333]. Seksyen ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa, seperti polis atau Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ), untuk menyita dan menahan kenderaan yang dipandu oleh seseorang yang tidak mempunyai lesen memandu yang sah. Penahanan kenderaan ini bertujuan untuk mencegah penggunaan kenderaan tersebut dari berterusan melakukan kesalahan.

7. Justeru itu, penting bagi seluruh warga asing untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang trafik di Malaysia dan memiliki dokumen yang sah untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI
[JEMPOL]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal atau meminda undang-undang baharu bagi mengekang kegiatan kumpulan kultus (*cult*) dengan lebih berkesan dan menyeluruh seperti GISB Holdings yang kini disiasat pihak berkuasa kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan termasuk mengeksploitasi agama, pemerdagangan orang, penganiayaan kanak-kanak dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sentiasa komited dalam mengkaji dan menambahbaik semua undang-undang di bawah kawal selia Kementerian ini termasuklah undang-undang melibatkan kesalahan keselamatan. Kementerian akan terus menyokong reformasi negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Pada masa kini Kementerian sedang mengkaji kesesuaian menggunakan undang-undang pencegahan sedia ada seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) terhadap kumpulan kultus. Hal ini kerana, undang-undang bersifat punitif berkemungkinan tidak dapat menyelesaikan masalah sedemikian secara holistik disebabkan masalah teknikal perundangan seperti mana undang-undang pencegahan. Sekiranya terdapat keperluan meminda Akta tersebut, Kementerian akan melaksanakan tindakan sewajarnya termasuk mengadakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh yang berkepentingan.

Selain itu, Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (MyPCVE) yang menggariskan sebanyak empat (4) teras dan mengandungi 15 Fokus Strategik, 59 Inisiatif, dan 60 Petunjuk Prestasi Utama. Kerajaan percaya pelan tersebut berupaya untuk mencegah penularan fahaman pelampau di kalangan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGGALAN CHEPA]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGGALAN CHEPA] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan usaha Kementerian untuk mengkaji dan menambah baik program pengurangan kadar NRW bagi negeri yang mencatatkan kadar NRW lebih 40 peratus dan usaha Kementerian bagi menggantikan paip-paip berusia lebih 30 tahun bagi menjamin bekalan air negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tanggungjawab untuk mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water* - NRW) terletak di bawah operator air di setiap negeri. Operator air yang telah memasuki skim penstrukturan semula industri perkhidmatan air boleh menggunakan peruntukan sendiri atau mendapatkan pembiayaan daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk melaksana program penggantian paip.
2. Namun, Kerajaan Persekutuan tetap komited dalam usaha untuk mengurangkan NRW melalui cadangan penambahbaikan Program Pengurangan NRW Kebangsaan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 24 Julai 2024 dengan kos sebanyak RM2.525 bilion bermula tahun 2025 sehingga tahun 2030.
3. Kerajaan akan melaksana penambahbaikan Program Pengurangan NRW Kebangsaan melibatkan penggantian paip kritikal dan penyelesaian NRW secara holistik di Negeri-Negeri di bawah Pendekatan 1 iaitu negeri-negeri yang NRW melebihi 40% (Perlis, Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Operator air juga perlu mengambil tanggungjawab bagi melaksanakan penggantian paip selebihnya melalui pelan perniagaan masing-masing. Program penggantian paip ini akan dilaksanakan oleh PAAB di semua negeri (kecuali di negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan yang akan dilaksanakan oleh Bahagian Bekalan Air, PETRA).
4. Secara umumnya, kadar NRW yang tinggi berpunca daripada kebocoran paip penghubung dan juga paip-paip lama dalam sistem agihan, terutama paip jenis AC yang dipasang antara 30 hingga 50 tahun lepas. Berdasarkan kepada rekod SPAN bagi tahun 2023, terdapat sepanjang 39,752 km daripada keseluruhan 138,587 km paip atau bersamaan 28.7% adalah paip jenis AC yang masih digunakan dalam sistem agihan bekalan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat cadangan Kementerian untuk menyarankan agar Batik Air memulakan operasi penerbangan untuk sektor Kuala Lumpur ke Labuan atau Labuan ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk memulakan/meningkatkan operasi penerbangan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi termasuk ke Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk meningkatkan kekerapan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh syarikat penerbangan berasaskan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan.

2. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian telah menyarankan supaya syarikat Batik Air turut menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur – Labuan. Pihak Batik Air memaklumkan bahawa pihaknya akan mempertimbangkan cadangan ini tertakluk kepada penerimaan pesawat baharu yang dijangka akan diperolehi menjelang akhir tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian berkenaan dengan cadangan pakar yang mewajibkan pendidikan 12 tahun sehingga SPM sebagai langkah mengatasi keciciran pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan setiap kanak-kanak warganegara Malaysia mendapat akses pendidikan yang berkualiti tanpa mengira kepelbagaian latar belakang. Dasar Pendidikan Wajib yang mula berkuatkuasa pada tahun 2003 menunjukkan komitmen Kerajaan dan KPM dalam menyediakan pendidikan yang direncanakan sesuai dengan perkembangan murid pada peringkat pendidikan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang dalam usaha untuk melanjutkan pendidikan wajib dari peringkat pendidikan rendah hingga pendidikan menengah. Cadangan tersebut telah dibentang dan dipersetujui secara dasarnya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Jun 2024. Pelanjutan Dasar Pendidikan Wajib ini akan melibatkan pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Draf Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) berkaitan Pelanjutan Dasar Pendidikan Wajib dari Pendidikan Rendah hingga Pendidikan Menengah telah disediakan oleh KPM dan kini dalam semakan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai dalam pecahan jenis dan jumlah keseluruhan subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan setakat ini dan jangkaan jumlah yang bakal dibayar pada tahun depan. Setakat mana penyelarasan subsidi kepada golongan sasaran ini membantu kedudukan fiskal Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama pemberian subsidi adalah untuk menjaga kebajikan rakyat di samping membantu mengurangkan bebanan kewangan yang dialami oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Pada tahun 2023, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM80 bilion bagi keseluruhan subsidi, bantuan dan insentif. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM50 bilion telah dibelanjakan untuk sektor kepenggunaan yang merangkumi subsidi petrol, diesel, gas cecair memasak, minyak masak paket, subsidi bil elektrik dan subsidi telur. Hal ini telah menyebabkan ruang fiskal Kerajaan menjadi terhad bagi menyediakan pembangunan sosio-ekonomi yang sewajarnya kepada rakyat.

Oleh itu, Kerajaan telah mula melaksanakan penyasaran semula subsidi bermula dengan penyasaran subsidi elektrik, pengapungan harga ayam dan penyasaran subsidi diesel. Matlamat utama penyasaran subsidi ini adalah untuk melestarikan ekonomi negara, mengurangkan ketirisan kepada aktiviti penyeludupan barangan bersubsidi dan memastikan penggunaan barangan subsidi dimanfaatkan oleh kumpulan yang benar-benar layak.

Impaknya, penyasaran subsidi elektrik telah menjana penjimatan sebanyak RM4 bilion. Penyasaran ini hanya melibatkan pengguna elektrik melebihi 600 kilowatt-jam yang perlu membayar penuh tanpa subsidi sementara 85% rakyat kekal menikmati subsidi elektrik. Manakala, Kerajaan tidak lagi perlu membelanjakan sebanyak RM1.2 bilion setahun untuk subsidi ayam setelah pengapungan harga ayam. Harga ayam kekal stabil di pasaran. Penyasaran subsidi diesel telah membawa penjimatan lebih RM4 bilion setahun. Penyasaran subsidi diesel terbukti berjaya mengekang ketirisan akibat penyeludupan dan penggunaan oleh sektor perniagaan yang tidak layak. Jualan diesel bersubsidi menurun 30% dengan anggaran penjimatan lebih RM600 juta sebulan meskipun subsidi masih disediakan untuk pengangkutan awam, nelayan dan sektor logistik.

Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan terus merangka pembaharuan fiskal yang dapat memperkukuh kedudukan fiskal negara melalui peningkatan kecekapan perbelanjaan Kerajaan menerusi inisiatif penyasaran subsidi. Kerajaan telah bercadang untuk melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun 2025. Penjimatan yang dicapai daripada ini akan dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, tanggungan subsidi RON95 masih diteruskan untuk 85% rakyat yang dianggarkan berjumlah RM12 bilion setahun.

Hasil daripada pelaksanaan penyasaran semula subsidi dipulangkan kepada rakyat yang memerlukan manakala sebahagian lagi akan digunakan untuk pembangunan sosio-ekonomi dan pengurusan fiskal negara seperti menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang lebih berkualiti serta mengukuhkan jaringan perlindungan sosial yang lebih inklusif selaras dengan hasrat Kerajaan dalam menaikkan lantai di bawah Kerangka Ekonomi MADANI.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dinaikkan kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion yang terus memberi manfaat kepada 9 juta penerima merangkumi isi rumah dan individu atau melebihi 60 peratus penduduk dewasa negara. Selain itu, peruntukan bantuan tunai di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga dinaikkan kepada RM2.9 bilion berbanding RM2.4 bilion. Peningkatan ini akan terus membela kehidupan warga emas miskin, kanak-kanak keluarga miskin dan lain-lain. Rakyat akan terus mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti apabila Kementerian Kesihatan menerima peruntukan sebanyak RM45.3 bilion berbanding RM41.2 bilion (tahun 2024) bagi menjalankan tugas-tugas asas termasuk memastikan kemudahan perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti, selesa dan mesra rakyat.

Manakala, rakyat juga akan mendapat akses pendidikan yang berkualiti meliputi ruangan pembelajaran yang selesa, selamat dan bermakna untuk anak-anak menimba ilmu apabila Kementerian

NO SOALAN : 15

Pendidikan diperuntukkan sebanyak RM64.1 bilion berbanding RM58.7 bilion (tahun 2024) yang akan dimanfaatkan bagi projek naik taraf dan penyelenggaraan sekolah seluruh negara, pembinaan sekolah-sekolah baharu, meningkatkan capaian internet di sekolah desa dan pedalaman, penambahbaikan 17 bantuan pendidikan dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, langkah penyasaran subsidi yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan mewujudkan ruang fiskal untuk diagihkan kepada golongan sasaran yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
PANJANG] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR menyatakan :**

(a) status terkini pembinaan Tebatan Banjir melibatkan Fasa I, Fasa II dan Fasa III di Rantau Panjang; dan

(b) penjelasan faktor kelewatan pelaksanaan Fasa II Projek Tebatan Banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sedang melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok melalui 3 fasa.

2. Fasa pertama PLSB Sungai Golok (KESBAN) adalah melibatkan jajahan Tumpat dan sebahagian Pasir Mas. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan kemajuan terkini di tapak adalah 77%. Berdasarkan jadual, projek ini akan siap pada Julai 2026.

3. Fasa kedua pula adalah melibatkan jajahan Jeli, Rantau Panjang dan sebahagian Pasir Mas. Projek ini sedang dalam proses tender. Berdasarkan perancangan, kerja fizikal akan bermula pada Mac 2025 dan siap sepenuhnya pada tahun 2030.

4. Fasa ketiga PLSB Sungai Golok pula melibatkan jajahan Tumpat, Pasir Mas, Jeli dan Rantau Panjang. Fasa ini akan menjadi pelengkap kepada pertama dan kedua. Fasa ketiga ini dilaksanakan secara reka dan bina. Projek telah mula dilaksanakan pada April 2024 dan berdasarkan perancangan, projek dijangka siap sepenuhnya pada 2029.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tempat di setiap universiti awam dan kursus yang ditetapkan untuk kemasukan pelajar secara terus (bayaran yuran penuh). Adakah standard untuk kemasukan kepada sesuatu universiti awam dan kursus secara terus berlainan dengan kemasukan biasa (yuran disubsidikan oleh Kerajaan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan maklumat universiti awam (UA), jumlah tempat di setiap UA mengikut program atau kursus yang ditetapkan untuk kemasukan secara terus (bayaran yuran penuh) adalah seperti berikut:

- i. **Universiti Malaya (UM)**, sebanyak 1,000 tempat ditetapkan melibatkan 78 program di peringkat Sarjana Muda dan tiga (3) program Asasi dalam semua bidang yang ditawarkan.
- ii. **Universiti Sains Malaysia (USM)**, sebanyak 358 tempat ditetapkan melibatkan 50 program yang turut merangkumi program sains hayat, pendidikan, kejuruteraan, sains dan sastera.
- iii. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**, sebanyak 2,000 tempat melibatkan 69 program dalam bidang tertentu antaranya perubatan, pendidikan, kejuruteraan, pengurusan dan lain-lain.
- iv. **Universiti Putra Malaysia (UPM)**, sebanyak 300 tempat melibatkan kesemua 84 program Bacelor yang ditawarkan.
- v. Di peringkat **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**, unjuran maksimum adalah 1,000 tempat bagi Program Asasi dan 800 bagi Program Diploma. Untuk Program Sarjana Muda (*International Degree Program* atau UTM-IDP), unjuran pengambilan adalah berdasarkan kapasiti maksimum fakulti yang tidak diisi oleh pelajar melalui kemasukan UPU.
- vi. Bagi **Universiti Utara Malaysia (UUM)**, jumlah tempat adalah tertakluk kepada persetujuan Pusat Pengajian dan unjuran maksimum pelajar di pusat Pengajian masing-masing. Bagi program atau kursus, ia melibatkan 42 program atau kursus yang ditawarkan.

- vii. Di **Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM)**, jumlah tempat adalah ditetapkan oleh pihak fakulti dari semasa ke semasa. Bagi program atau kursus pula, sebanyak 57 program atau kursus ditetapkan dalam bidang-bidang tertentu termasuk program kompetitif seperti perubatan, pergigian dan farmasi.
- viii. Di **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)** tiada had pengambilan pelajar kemasukan secara terus bermula tahun 2024 dan sebanyak tujuh (7) program ditetapkan.
- ix. Di **Universiti Malaysia Sabah (UMS)** juga, tiada had pengambilan pelajar dan sebanyak 50 program ditetapkan.
- x. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**, jumlah minimum tempat bagi setiap program adalah 25 dan program yang ditetapkan adalah bagi program rintis Saluran Bitara iaitu Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian.
- xi. **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**, menetapkan sebanyak lima (5) hingga 10 tempat bagi program terpilih sahaja.
- xii. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)**, jumlah tempat yang ditetapkan adalah sebanyak 80 tempat melibatkan beberapa program.
- xiii. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** menetapkan sebanyak 25 tempat melibatkan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian (20 tempat) dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (5 tempat).
- xiv. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**, tiada had pengambilan pelajar bagi kemasukan program secara terus. Walau bagaimanapun, kemasukan pelajar ini tertakluk kepada unjuran maksimum di fakulti masing-masing. Sebanyak 47 program atau kursus terlibat.

- xv. **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)**, menetapkan sebanyak 300 tempat melibatkan lapan (8) program.
- xvi. **Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)**, menetapkan sebanyak 300 tempat dan program atau kursus yang ditetapkan adalah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan Antarabangsa dan Komunikasi Media Baharu.
- xvii. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)** menetapkan 20 tempat bagi program Doktor Perubatan Veterinar (DVM+).
- xviii. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)** menetapkan lima (5) tempat untuk jurusan perubatan.
- xix. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)** pada masa ini tidak menerima sebarang kemasukan melalui bayaran penuh dan **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** tidak membuat ambilan secara terus.

2. Berdasarkan maklumat daripada pihak UA juga, bagi standard kemasukan ke program atau kursus secara terus (bayaran yuran penuh), **kebanyakan UA menggunakan syarat kemasukan dan proses pemilihan pelajar yang sama** seperti kemasukan pelajar ke program atau kursus secara biasa (bayaran yuran disubsidikan oleh Kerajaan).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WIRA MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia memberikan dan mendedahkan kepada Parlimen sesalinan perjanjian pemegang saham (MAHB) (*shareholders agreement*) antara 3 (tiga) pihak yang berhasrat untuk menswastakan MAHB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan dan penswastaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ini **merupakan satu urusan transaksi komersial** yang dikemukakan oleh sebuah Konsortium yang diterajui oleh dua (2) pemegang saham sedia ada MAHB ketika ini iaitu Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sekiranya tawaran tersebut diterima dan dipersetujui oleh para pemegang saham MAHB yang lain, pemilikan MAHB oleh Konsortium berkenaan adalah berdasarkan pecahan seperti berikut:

- i. Khazanah - 40%;
- ii. KWSP - 30%; dan
- iii. Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP) – 30%

Memandangkan ia merupakan perjanjian yang melibatkan empat (4) pihak swasta, ia tertakluk kepada prinsip kerahsiaan komersial seperti kelaziman dalam sebarang transaksi yang bersifat sedemikian. Namun, Kerajaan telah meneliti butiran berhubung pengambilalihan MAHB yang dibentangkan oleh Konsortium berkenaan dan berpuas hati dengan segala perincian yang dikemukakan. Perlu juga ditegaskan bahawa pihak Kerajaan akan mengekalkan Saham Khasnya dalam MAHB.

Selain itu, Kerajaan juga menegaskan bahawa tidak akan ada kompromi dalam isu keselamatan negara meskipun setelah pengambilalihan ini dimuktamadkan. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, urusan di pintu masuk negara akan dikendalikan dan dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (MCBA). Soal keselamatan di atas darat dan kawasan awam di sekitar lapangan terbang pula adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Manakala Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) pula bertanggungjawab dari segi keselamatan di atas udara serta kawasan pengendalian bagasi.

Apa yang lebih penting, sekiranya atau setelah tawaran ini dipersetujui oleh para pemegang sahamnya, MAHB masih tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian Pengoperasian sedia ada yang telah ditandatangani oleh mereka bersama pihak Kerajaan. Ini akan memastikan tiada sebarang perubahan kepada tanggungjawab dan bidang tugas MAHB sedia ada.

Di samping itu, dari aspek kepentingan kepada negara, Khazanah dan KWSP melihat wujudnya satu keperluan yang mendesak untuk operasi MAHB ditambahbaik dan pelaburan dibuat secara lebih pantas mengambil kira unjuran peningkatan trafik penumpang dan keadaan infrastruktur semasa yang tidak dapat menampung jumlah masa kini serta keperluan masa hadapan Malaysia.

Ini kerana, rangkaian lapangan terbang yang kukuh dan diuruskan dengan baik akan meningkatkan dan merangsang pertumbuhan perdagangan, perniagaan dan pelancongan di Malaysia, memenuhi agenda Madani dan pelbagai dasar ekonomi Kerajaan seperti National Industrial Masterplan (NIMP) 2030, National Semiconductor Strategy (NSS) dan Malaysia Aerospace Industry Blueprint (MAIB) 2030.

Selain itu, usaha untuk menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur lapangan terbang, meningkatkan tahap perkhidmatan penumpang dan menambah baik kesalinghubungan syarikat penerbangan dapat menggalakkan peningkatan trafik penumpang dan meningkatkan jumlah pelancong yang datang ke Malaysia, sekaligus memberi impak positif yang berpanjangan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan siasatan dan pendakwaan di bawah Akta Perhimpunan Aman pada tahun 2023. Siasatan termasuk panggilan individu ke balai polis untuk disoal siasat sebelum dan selepas perhimpunan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 bagi tahun 2023 sebanyak 78 kertas siasatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 kertas siasatan telah di NFA (*No Further Action*) oleh Timbalan Pendakwa Raya, satu (1) kertas siasatan telah dituduh, dan 38 kes masih tindakan untuk siasatan lanjut.

Sebelum perhimpunan berlangsung, pihak PDRM akan memanggil individu atau pihak penganjur hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah untuk menerangkan syarat-syarat yang telah digariskan dalam Seksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 supaya perhimpunan yang akan diadakan tidak berlaku sebarang kemungkinan perkara yang tidak diingini. Penganjur juga akan dipanggil hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah setelah perhimpunan diadakan apabila terdapat kesalahan-kesalahan yang berlaku semasa perhimpunan, sama ada pihak polis mengambil keterangan atas kesalahan semasa perhimpunan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL
KHALID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan impak keculasan peminjam dalam membuat bayaran balik pinjaman mereka terhadap beban kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah pandangan Kementerian mengenai kemampuan kewangan PTPTN yang diibaratkan sebagai bom jangka dalam tempoh 20 tahun lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang.
2. Dalam konteks ini, sebarang keperluan atau kekurangan dana bagi tujuan pembiayaan pinjaman PTPTN akan ditampung dengan perolehan dana melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN pada masa kini masih berupaya untuk menampung bayaran balik serta kos sumber dana yang diperolehi melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.
4. Walau bagaimanapun, keperluan berterusan kepada pinjaman atau pengeluaran sukuk bagi menampung keperluan dana pinjaman pendidikan disebabkan bayaran balik yang kurang memberangsangkan akan memberikan kesan jangka masa panjang kepada Kerajaan.
5. Bagi memastikan model pembiayaan PTPTN terus relevan serta lebih efisien dan mampan untuk jangka masa panjang, Kementerian dan PTPTN sedang bekerjasama rapat dengan Unit Pantau Madani, Kementerian Kewangan untuk mengkaji dan mencadangkan model baharu pembiayaan PTPTN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN
JAN [TASEK GELUGOR]**
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan
Akaun 3 KWSP dalam membantu para pencarum yang berada dalam
keadaan terdesak.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama Penstrukturan Semula Akaun KWSP adalah untuk memperkasa ahli dalam membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan jangka panjang terutama untuk persaraan dengan keperluan kewangan jangka pendek dan jangka sederhana. Inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan simpanan persaraan ahli supaya mereka menerima pendapatan persaraan yang mencukupi untuk membiayai kehidupan persaraan mereka kelak.

KWSP pada 11 Mei 2024 yang lalu juga telah memperkenalkan penstrukturan semula akaun KWSP kepada tiga (3) akaun di mana ia bertujuan untuk memperkasa ahli dalam membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan jangka panjang terutama untuk persaraan serta keperluan kewangan jangka pendek dan jangka sederhana. Dengan penstrukturan ini, caruman Akaun Persaraan (dahulunya Akaun 1) yang bertujuan sebagai simpanan persaraan ditingkatkan kepada 75% berbanding 70% caruman sebelum ini bagi mempercepatkan ahli untuk mencapai Simpanan Asas.

Dengan peningkatan 5% caruman ke Akaun Persaraan, anggaran tambahan sebanyak RM1.2 bilion jumlah caruman telah dikreditkan dalam tempoh Jun hingga September 2024.

Lanjutan daripada itu, bilangan ahli aktif sektor formal berumur di bawah 55 tahun yang mencapai simpanan asas juga telah meningkat sebanyak 154 ribu, daripada 2.41 juta pada Jun 2024 kepada 2.56 juta pada September 2024.

Jumlah Ahli Yang Membuat Pengeluaran Akaun Fleksibel dan Implikasi Ke Atas Ahli

Setakat 30 September 2024, jumlah ahli yang telah membuat pengeluaran melalui Akaun Fleksibel adalah seramai 3.86 juta orang atau

29.4% daripada jumlah keseluruhan ahli bawah umur 55 tahun di mana ia melibatkan jumlah pengeluaran RM10.78 bilion.

Keberkesanan Akaun Fleksibel dalam membantu kewangan ahli

Untuk makluman Yang Berhormat, Akaun Fleksibel atau Akaun 3 diperkenalkan untuk membantu ahli menangani keperluan kewangan jangka pendek yang boleh menjejaskan kesejahteraan semasa persaraan sekiranya tidak dipenuhi. Simpanan dalam akaun ini boleh dikeluarkan pada bila-bila masa untuk apa-apa tujuan mengikut keperluan ahli terutamanya ketika kecemasan.

Secara tidak langsung, pengeluaran melalui Akaun Fleksibel boleh meningkatkan aliran tunai dan membantu ahli yang memerlukan terutamanya ketika keadaan mendesak. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap ahli KWSP dapat menguruskan kewangan mereka dengan yakin dan berdaya tahan dalam persekitaran yang dinamik serta mencabar ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai-cukai baharu yang diperkenalkan pada tahun ini seperti Cukai Barangan Bernilai Rendah (LVG), Cukai Perkhidmatan Digital (DST) serta Cukai Keuntungan Modal (CGT) dan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai ke atas barang bernilai rendah (LVGT) bagi tempoh mulai 1 Januari 2024 hingga ke 30 September 2024 adalah sebanyak RM300.7 juta.

Perlu difahami bahawa objektif utama pelaksanaan LVGT bukan untuk meraih kutipan hasil besar tetapi lebih kepada melindungi ekosistem perniagaan tempatan terutamanya barangan import yang bernilai rendah agar turut dikenakan cukai sepertimana yang dikuatkuasakan ke atas barangan yang dijual oleh peniaga tempatan.

Cukai Perkhidmatan Digital (DST) pula bukan merupakan satu cukai yang baharu kerana cukai ini telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020. Jumlah kutipan DST bagi tempoh mulai 1 Januari 2024 sehingga ke 30 September 2024 adalah sebanyak RM1.16 bilion.

Berhubung kutipan cukai keuntungan modal (CGT) yang mula dilaksanakan pada 1 Mac 2024, jumlah kutipan hasil pada masa ini belum dapat ditentukan. Hasil sebenar hanya akan diketahui bermula Julai 2025, iaitu selepas syarikat mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun semasa secara *e-filing*.

Pada masa ini, pelaksanaan cukai barang bernilai tinggi (HVGT) masih ditangguhkan kerana Kerajaan perlu memberi keutamaan kepada beberapa langkah reformasi fiskal yang baharu dilaksanakan pada tahun ini seperti pengenaan cukai ke atas barang bernilai rendah (LVG), perubahan kadar dan peluasan skop cukai perkhidmatan dan penyasaran semula subsidi diesel.

Kerajaan akan mengkaji cadangan pelaksanaan HVGT bersama dengan cadangan perluasan SST seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian ke arah melonjakkan prestasi skor Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) termasuk pentaksiran domain literasi dan numerasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pelbagai program dan inisiatif sebagai usaha bagi memperbaiki kualiti pencapaian murid dalam pentaksiran pada peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah dan sedang melaksanakan strategi/inisiatif jangka pendek dan jangka panjang bagi melonjakkan prestasi Malaysia dalam Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) termasuk pentaksiran domain literasi dan numerasi.

Ujian kognitif dan soal selidik murid dalam pusingan PISA 2025 akan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian pada bulan April hingga Mei 2025. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM sebagai persediaan menghadapi kajian PISA 2025 berfokus kepada peningkatan pencapaian murid dan kompetensi guru seperti yang berikut:

- a) Strategi/inisiatif jangka pendek:
 - i. Membiasakan murid yang bakal menduduki PISA 2025 menggunakan soalan-soalan PISA *released item* dan item Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) yang terdiri daripada Literasi Bacaan, Literasi Matematik, Literasi Saintifik dan Literasi Kewangan. PKL boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran bilik darjah untuk murid Tahun 4 hingga Tingkatan 4. Item PKL yang dibangunkan oleh KPM ini menggunakan pakai pelbagai kaedah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) selaras dengan kerangka pentaksiran pada peringkat antarabangsa dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran murid berbanding pendekatan teknik hafalan;
 - ii. Membiasakan murid dengan penggunaan komputer untuk meneroka, membuat simulasi menjalankan eksperimen secara berasaskan komputer dalam talian semasa menjawab

item PKL yang disediakan di platform Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa);

iii. Menjamin kesediaan komputer dan talian internet terutamanya bagi sekolah yang terpilih sebagai sampel kajian PISA 2025.

b) Strategi jangka sederhana:

i. Membina kapasiti guru dari aspek pedagogi melalui sesi latihan dan kemahiran membina item yang dikendalikan oleh badan pentaksiran antarabangsa;

c) Strategi jangka panjang:

i. menyemak semula kurikulum kebangsaan dengan mengambil kira pentaksiran antarabangsa seperti SEAPLM, TIMSS dan PISA dengan memberi penekanan terhadap keperluan kandungan yang berfokus dan mendalam bagi pembelajaran secara aktif;

ii. meningkatkan minat, keyakinan serta motivasi murid untuk belajar secara terarah sendiri seperti pemupukan minat membaca lebih banyak bahan ilmiah, menggalakkan berfikir secara konstruktif dan kreatif dalam proses pembelajaran.

iii. meningkatkan profesionalisme guru dalam penguasaan kandungan dan pembangunan kompetensi secara berterusan melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara mendalam;

iv. menambah baik reka bentuk pentaksiran kebangsaan dan pentaksiran dalam bilik darjah (PBD) agar selaras dengan kualiti dan piawaian penandaarasan peringkat antarabangsa.

v. memantapkan keupayaan dan kompetensi guru sebagai pembimbing, pemudah cara dan pendidik yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesejahteraan dan pembelajaran murid berpandukan kerangka pentaksiran antarabangsa;

vi. menggalakkan penggunaan peranti digital dalam pembelajaran dengan memperbanyakkan bahan bacaan dalam format teks digital dan mengurangkan impak penggunaan peranti tersebut;

vii. meneliti semula syarat agihan bantuan yang berfokus kepada

- murid sosioekonomi rendah bagi merapatkan jurang pencapaian antara murid;
- viii. meneliti semula agihan sumber secara optimum merangkumi guru, peranti, infrastruktur dan bahan sumber pembelajaran mengikut keperluan di sesebuah sekolah; dan
 - ix. menyokong pembelajaran murid melalui pelibatan ibu bapa/penjaga dan komuniti dengan pihak sekolah.

KPM akan menerbitkan Buku Laporan Kebangsaan PISA 2022 pada bulan Disember 2024 yang memuatkan dapatan sesi libat urus, Persidangan Meja Bulat dan dapatan webinar sebagai rujukan pihak yang berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan strategi penambahbaikan program dan aktiviti masing-masing.

KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti pendidikan negara dan hasilnya akan dapat dilihat melalui pencapaian Malaysia dalam pentaksiran pada peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan di dalam kes Teoh Beng Hock dan sebab terdapatnya kelewatan lebih kurang 15 tahun untuk mendakwa suspek-suspek di dalam kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada tahun 2018, pihak PDRM telah membuka kembali kertas siasatan kes mendiang Teoh Beng Hock di bawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan tersebut telah dikemukakan kepada pihak pihak Jabatan Peguam Negara (AGC), namun pihak AGC telah mengembalikan kertas siasatan kepada PDRM pada 6 Ogos 2024 untuk siasatan lanjut.

Memandangkan perkara ini masih dalam siasatan, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR
[TEMERLOH]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai peruntukan Kementerian kepada sekolah-sekolah di Parlimen Temerloh daripada tahun 2019 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa menyalurkan peruntukan penyelenggaraan saban tahun di sekolah KPM termasuk di Parlimen Temerloh. Berdasarkan rekod KPM, jumlah peruntukan penyelenggaraan yang telah disalurkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2019 sebanyak RM1.29 juta;
- ii. Tahun 2020 sebanyak RM2.95 juta;
- iii. Tahun 2021 sebanyak RM2.84 juta;
- iv. Tahun 2022 sebanyak RM2.34 juta; dan
- v. Tahun 2023 adalah sebanyak RM2.28 juta.

Penyaluran peruntukan adalah berdasarkan keperluan mengikut dan susunan keutamaan yang dikemukakan kepada KPM oleh sekolah melalui pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian. KPM memastikan peruntukan penyelenggaraan ini diagihkan sewajarnya kepada semua jenis sekolah KPM sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini projek Bandar Malaysia, adakah projek ini dijalankan mengikut jadual yang dirancangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan secara dasar ke atas konsep pelan induk Bandar Malaysia telah diperolehi pada 8 Disember 2023. Pelan tersebut kini sedang diteliti semula untuk dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Penelitian semula ini perlu dilakukan setelah mengambil kira maklum balas dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan pembangunan Bandar Malaysia mencapai matlamatnya.

Memandangkan Bandar Malaysia merupakan antara tanah terbesar milik Kerajaan yang tinggal dan terletak di Pusat Bandar Kuala Lumpur, penelitian semula adalah sangat penting bagi memastikan pembangunan dibuat dapat menggerakkan ekonomi Kuala Lumpur secara amnya. Pada masa yang sama pembangunan Bandar Malaysia hendaklah mengekalkan konteks pembangunan bertanggungjawab dalam mengimbangi ekosistem alam sekitar serta mewujudkan rumah mampu milik kepada rakyat.

Fasa pertama pengkomersilan projek Bandar Malaysia juga sedang dirancang untuk dibangunkan, tertakluk kepada keadaan pasaran dan kesediaan pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan maklumat tentang bidang fisioterapi :

- (a) berapa jumlah bilangan enrolmen pelajar bidang fisioterapi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di seluruh institusi pendidikan awam dan swasta seluruh negara dalam setahun; dan
- (b) berapa bilangan graduan fisioterapi 5 tahun ke belakang dan unjuran 5 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Berdasarkan sistem MyMoheS di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tempoh sehingga Jun 2024, jumlah enrolmen pelajar Program Fisioterapi di **Universiti Awam (UA)** peringkat **Ijazah Sarjana Muda** adalah seramai **680 pelajar** dan **Diploma** seramai **148 pelajar**.
2. Di **Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** pula, berdasarkan Sistem e-IPTS, sehingga suku kedua tahun 2024, jumlah enrolmen pelajar Program Fisioterapi di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** adalah **2,476 pelajar** dan **Diploma** seramai **836 pelajar**.

(b)

3. Untuk data bagi **bilangan graduan lima (5) tahun kebelakang**, jumlah keluaran pelajar bagi Program Fisioterapi di peringkat ijazah pertama dan diploma adalah seperti berikut:
 - i. Di **UA**, dari tahun 2020 sehingga Jun 2024, jumlah keluaran pelajar adalah seramai **744 pelajar**.
 - ii. Di **IPTS**, dari tahun 2020 sehingga suku kedua tahun 2024, jumlah keluaran pelajar adalah seramai **1,482 pelajar**.
4. Mengenai unjuran graduan Program Fisioterapi, semakan Kementerian ini dengan UA yang menawarkan Program Fisioterapi mendapati unjuran UA bagi graduan Program Fisioterapi lima tahun ke hadapan adalah sekitar 30 graduan setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil dan manfaat tambahan yang diterima oleh masyarakat Cina, India, Sabah dan Sarawak di bawah Kerajaan Perpaduan, khususnya dari segi peruntukan kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara fokus utama Belanjawan 2025 adalah untuk menaikkan lantai dengan meningkatkan darjat kesejahteraan hidup rakyat yang meliputi setiap lapisan masyarakat dan kaum di negara ini.

Kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum di Malaysia termasuk kaum minoriti. Semua kaum menerima bantuan yang adil dan saksama berdasarkan kelayakan pendapatan isi rumah antaranya Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Walau bagaimanapun, terdapat juga inisiatif yang dikhususkan kepada kaum-kaum tertentu berdasarkan keperluan sosioekonomi kaum. Di bawah Belanjawan 2025, Kerajaan menyediakan peruntukan khusus kepada masyarakat India melalui program pembangunan Masyarakat India seperti MITRA, Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), pemerksaan Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil (SJKT) serta peningkatan kemahiran belia India. Manakala manfaat khusus yang disediakan kepada masyarakat Cina pula adalah melalui program pembangunan Masyarakat Cina yang meliputi pembangunan Kampung Baru Cina serta pemerksaan Sekolah Kebangsaan Jenis Cina (SJKC).

Di samping itu, masyarakat di Sabah serta Sarawak juga tidak terkecuali dalam menerima manfaat yang disediakan oleh Kerajaan di bawah Belanjawan 2025 di mana Kerajaan telah menaikkan kadar Pemberian Khas Sabah dan Sarawak. Selain itu, Peruntukan DE untuk projek pembangunan di Negeri Sabah dan juga Sarawak telah ditingkatkan. Perbelanjaan DE di Negeri Sabah dan Sarawak antaranya adalah bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB), pembesaran lapangan terbang, jalan perhubungan desa, jalan-jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar serta menaik taraf sekolah serta fasiliti kesihatan daif yang memanfaatkan semua kaum di Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah benar laporan Bank dunia bertajuk *Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills* yang memberi gambaran membimbangkan tentang sistem pendidikan kita walaupun perbelanjaan pendidikan adalah besar iaitu 3.2% dari KDNK. Apa usaha KPM untuk mengatasi cabaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) beriltizam untuk terus komited dalam memastikan reformasi pendidikan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mencapai aspirasi sistem dan kemenjadian murid seperti yang dihasratkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pernyataan dalam laporan kajian Bank Dunia dalam "Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills" adalah kebanyakannya berlandaskan keputusan Kajian *Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM) 2019 melibatkan murid Tahun 5 sahaja, yang disertai oleh Malaysia.

Penyertaan Malaysia dalam kajian penandaarasan serantau seperti SEA-PLM adalah antara usaha KPM menilai sejauh mana sistem pendidikan Malaysia selari dengan perkembangan pendidikan serantau dan global khususnya dari aspek kemampanan, kesejahteraan dan dayacipta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian murid Tahun 5 di Malaysia dalam SEA-PLM 2019 menunjukkan bahawa sebanyak 58 peratus murid Tahun 5 di Malaysia telah mencapai Aras 6 dan ke atas yang bermaksud mereka sudah bersedia untuk menyertai pendidikan peringkat menengah. Manakala sebanyak 37 peratus murid mencapai Aras Penguasaan 3 hingga 5 (*proficient*) dalam Literasi Bacaan. Malahan, Laporan Antarabangsa SEA-PLM 2019 yang disediakan oleh pihak *Southeast Asian Ministers of Education Organization* (SEAMEO) selaku penganjur kajian turut menyatakan bahawa, daripada 37% murid tersebut, sebanyak 18% berpotensi untuk mencapai Aras 6 dan ke atas sekiranya mengambil ujian SEA-PLM tersebut apabila berada di Tahun 6.

KPM menggalas tanggungjawab yang besar dalam memastikan peruntukan yang telah diterima untuk pendidikan dibelanjakan dengan cekap serta memberi impak kepada pembangunan pendidikan negara, khususnya dalam pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM. Setiap sen daripada peruntukan tersebut dimanfaatkan khusus bagi membantu

menangani kos sara hidup serta meringankan beban warga KPM termasuk ibu bapa, murid dan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi Belanjawan 2025, KPM telah diberi peruntukan sebanyak RM64.1 bilion, iaitu satu peningkatan berbanding RM58.7 bilion pada 2024. Peruntukan ini sedang dimanfaatkan kepada bidang-bidang seperti berikut:

- i. melaksanakan program intervensi awal untuk program literasi dan numerasi;
- ii. memperkasa aliran pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi menyediakan peluang kepada murid memiliki keupayaan dan tahap kemahiran tinggi yang relevan kepada permintaan industri;
- iii. sebagai dana bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi digital serta inovasi dalam sektor pendidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara;
- iv. memperluas, membangun dan mengembangkan premis pendidikan awal kanak-kanak bagi memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak mengikuti pendidikan prasekolah yang disediakan oleh KPM;
- v. menyelenggara dan menaik taraf bangunan sekolah dan institusi perguruan di seluruh negara;
- vi. memperluas pemberian bantuan kepada murid miskin, keperluan khas dan komuniti rentan seperti Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT), peruntukan bagi keperluan sukan dan kokurikulum di sekolah dan sebagainya;
- vii. memperkasa aliran STEM dan industri AI negara; dan
- viii. mengembangkan pendidikan dan penghayatan ilmu Islam melalui penyaluran bantuan bagi pembangunan dan pemerksaan pendidikan agama.

KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti dan tahap sistem pendidikan negara supaya kekal berdaya saing, dinamik dan komprehensif setaraf peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk berjuta rakyat Malaysia dalam umur persaraan yang kini berhadapan dilema kerana ketiadaan simpanan KWSP yang mencukupi atau pencen untuk menyara usia tua mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berkait dengan caruman di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), setakat 31 Ogos 2024, jumlah ahli yang berusia 40 tahun ke atas dan belum mencapai umur usia 55 tahun yang mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000 adalah sebanyak **1.6 juta atau 33% daripada 4.9 juta** keseluruhan ahli KWSP berumur 40 tahun ke atas serta belum mencapai umur 55 tahun tersebut. Daripada jumlah tersebut, 1.4 juta (88%) adalah ahli tidak aktif, iaitu ahli yang tidak mempunyai apa-apa caruman dalam tempoh 12 bulan terakhir.

Strategi dan langkah-langkah KWSP untuk meningkatkan simpanan ahli KWSP

Pelbagai langkah dan inisiatif telah, sedang, dan akan dijalankan oleh KWSP bagi membantu ahlinya mempunyai simpanan yang mencukupi untuk persaraan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah **program i-Saraan** Kerajaan memberikan insentif khas sebanyak 15% daripada jumlah caruman ahli iaitu sehingga RM500 setahun atau RM5,000 had maksimum padanan seumur hidup.

Kerajaan juga akan memberikan insentif caruman padanan bagi setiap ringgit yang dicarumkan oleh suri rumah di bawah umur 55 tahun yang berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih di bawah **program i-Suri** untuk menerima insentif seumur hidup sebanyak RM3,000 setiap individu tertakluk kepada insentif padanan maksimum sebanyak RM300 setahun.

Seterusnya, bagi ahli yang bekerja dan mempunyai majikan, mereka boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar caruman berkanun syer pekerja iaitu 11% pada bila-bila masa. Setakat **Ogos 2024**, seramai **263 ribu ahli KWSP** telah mendaftar untuk membuat caruman melebihi kadar berkanun bagi caruman pekerja.

Ahli turut boleh menambah caruman dengan membuat **Caruman Sukarela** tertakluk kepada had caruman tahunan sebanyak RM100 ribu setahun. Pada tahun 2024, seramai 872 ribu ahli telah membuat caruman sukarela **setakat 31 Ogos 2024**, dengan jumlah amaun caruman sebanyak **RM9.39 bilion**.

Kerajaan melalui **Program i-Sayang** juga membolehkan suami memperuntukkan 2% daripada caruman KWSP bulanan (syer pekerja) secara sukarela ke akaun KWSP isteri mereka. Sejak program ini dilancarkan pada Mac 2023, lebih kurang 86 ribu suami telah menyertai program ini yang melibatkan jumlah pindahan caruman sebanyak RM22.1 juta setakat Ogos 2024.

Bagi tahun 2024, KWSP telah memperkasakan lagi pasukan *Relationship and Advisory* KWSP di seluruh negara kini telah ditambah kepada 38 kenderaan bergerak, 14 trak bergerak dan 346 anggota. Dengan ini KWSP akan dapat mempergiatkan lagi aktiviti jangkauan dan kesedaran kewangan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

KWSP juga telah melancarkan kempen 'Jom Tambah, Simpan Baik- baik' yang diperkenalkan mulai bulan Januari 2023 yang lalu bagi merencanakan lagi promosi caruman sukarela ke seluruh negara.

Inisiatif Kerajaan dibawah Belanjawan 2025

Selain itu, secara amnya, Kerajaan menerusi Belanjawan 2025 juga telah mengumumkan beberapa inisiatif utama dalam usaha mensejahtera rakyat antaranya seperti berikut:

- i. Kadar padanan insentif khas i-Saraan juga dinaikkan kepada 20% berbanding 15% kini.
- ii. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) terus ditingkatkan iaitu kepada RM13 bilion berbanding

RM10 bilion pada tahun 2024 yang dijangka akan memanfaatkan kira-kira 9 juta penerima;

- iii. Kadar maksimum bantuan STR dan SARA bagi isi rumah juga meningkat kepada RM4,600 berbanding jumlah semasa RM3,700. Golongan bujang berkelayakan juga tidak ketinggalan menerima bantuan STR sebanyak RM600;
- iv. Kadar Bantuan Warga Emas dinaikkan daripada RM500 kepada RM600 sebulan; Bantuan tunai bagi golongan sasar bertujuan untuk meringankan kos sara hidup & beban mereka;
- v. Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dinaikkan kepada RM250 daripada RM200 bagi seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah; serta kepada RM200 daripada RM150 bagi seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dengan maksimum RM1,000 sekeluarga
- vi. Untuk Wilayah Persekutuan, Bantuan Am dinaikkan kepada RM150 daripada kadar minimum RM100 dengan maksimum sebanyak RM500 sebulan sekeluarga
- vii. Kenaikan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025

Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) juga komited merencana dasar-dasar dan program-program bagi menambahbaik sistem perlindungan sosial di Malaysia supaya lebih dinamik dan komprehensif merangkumi segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan:**

- (a) peratusan kanak-kanak autisme dan gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD) yang berada dalam pendidikan arus perdana semasa; dan
- (b) sejauh mana kajian mengenai pendidikan arus perdana melibatkan kanak-kanak autisme dan ADHD akan dimasukkan ke dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang seterusnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM telah menyediakan tiga pilihan persekolahan bagi MBPK, iaitu di sekolah pendidikan khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Pilihan persekolahan ini melibatkan 6 kategori MBPK, iaitu:

- a. ketidakupayaan penglihatan;
- b. ketidakupayaan pendengaran;
- c. ketidakupayaan fizikal;
- d. ketidakupayaan pertuturan;
- e. masalah pembelajaran; dan
- f. ketidakupayaan pelbagai.

PPI merupakan program pendidikan bagi MBPK belajar bersama-sama murid tipikal di dalam kelas arus perdana. Pelaksanaan PPI memberi impak positif dalam memastikan MBPK mendapat hak yang sama rata dan belajar dalam persekitaran tanpa halangan; berupaya menyesuaikan diri; meningkatkan kemahiran; membina keyakinan diri; seterusnya meningkatkan kesedaran dan penerimaan warga sekolah serta komuniti tentang kepelbagaian keupayaan MBPK.

- a). Autisme dan *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD) merupakan subkategori masalah pembelajaran. Pada tahun 2024, bilangan murid autisme yang berada dalam sistem pendidikan KPM adalah seramai 32,642 orang, iaitu (25.39%), manakala bilangan murid ADHD adalah seramai 9,569 orang iaitu (7.44%). Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 2,478 orang murid autisme, iaitu (13.2%) murid autisme dan 1,266 (7.6%) orang murid ADHD yang berada di arus perdana, iaitu Program Pendidikan Inklusif (PPI).
- b). KPM sentiasa membuat tindakan penambahbaikan isu dalam pengoperasian dan telah menyediakan pelan perancangan

menyeluruh bagi semua kategori ketidakupayaan termasuk MBPK autisme dan ADHD dengan memberi tumpuan terhadap enam teras strategik berikut:

- i. Penambahbaikan akses dan mobiliti terutama menyediakan sekurang-kurangnya empat kemudahan asas merangkumi susur landai, susur tangan, parkir, dan tandas mesra orang kurang upaya, menaik taraf kelas pendidikan khas dan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK);
- ii. Pemantapan sumber manusia dengan berfokus kepada peningkatan profesionalisme secara berterusan kepada guru dan pembantu pengurusan murid;
- iii. Pemantapan pengajaran dan pembelajaran, kokurikulum dan pengembangan potensi MBPK;
- iv. Penambahbaikan sistem sokongan dengan menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada MBPK bagi meminimumkan halangan mereka daripada mengikuti pendidikan berkualiti dan saksama;
- v. Pemantapan pengurusan data; dan
- vi. Pemantapan tadbir urus.

KPM sedang menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan 2026 - 2035. Input dan cadangan yang diperolehi melalui sesi libat urus (SLU) di seluruh negara berkaitan pendidikan khas sedang diperhalusi dan diselaraskan dengan inisiatif dan hala tuju pendidikan yang lebih mantap melibatkan semua kategori MBPK termasuk autisme dan ADHD. KPM memberi fokus utama kepada Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG4) Sasaran 4.5: Menghapuskan semua diskriminasi dalam pendidikan dan memastikan akses sama rata bagi semua tahap pendidikan dan latihan vokasional untuk orang kurang upaya. Pelaksanaan latihan bagi meningkatkan kompetensi barisan kepimpinan sekolah, guru pendidikan khas dan guru arus perdana akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama untuk semua kategori MBPK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesediaan Kementerian terutamanya politeknik untuk bekerjasama dengan Kerajaan negeri dalam memacu bidang pendidikan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui politeknik telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha memacu dan memperkukuh bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
2. Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan penyelarasan strategik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan TVET. Langkah ini juga penting untuk memenuhi keperluan industri tempatan serta melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, selari dengan aspirasi pembangunan negara.
3. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Majlis atau Jawatankuasa TVET Negeri seperti Majlis TVET Johor, Majlis TVET Melaka, Majlis TVET Negeri Sembilan, Majlis TVET Selangor, Majlis TVET Sarawak dan Jawatankuasa TVET Negeri Perak.
4. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan termasuklah peranan Politeknik Kota Melaka sebagai Sekretariat untuk Majlis TVET Melaka, manakala Politeknik Sultan Azlan Shah pula berfungsi sebagai TVET *Collaboration Hub* bagi bidang automotif dan hab automotif bagi TVET Perak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan khusus Kerajaan terhadap nisbah hutang statutori Kerajaan berbanding KDNK yang telah meningkat sekitar 4.5% pada tahun 2023 dari 57.6% ke 62.1% berdasarkan laporan Bank Dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan meminjam untuk membiayai defisit dan membayar balik hutang yang matang. Memandangkan negara telah mengalami situasi defisit sejak 1998 sehingga kini, Kerajaan perlu meminjam setiap tahun bagi membiayai defisit fiskal iaitu menampung perbelanjaan pembangunan (DE) seterusnya menyebabkan peningkatan jumlah hutang Kerajaan. Namun begitu, peningkatan hutang dapat diperlahankan sekiranya Kerajaan dapat mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat tanpa menjejaskan kesejahteraan rakyat dan agenda pembangunan negara.

Peningkatan paras hutang yang mendadak mulai tahun 2020 disebabkan Kerajaan telah membuat pinjaman tambahan (di samping membiayai defisit dan membayar balik hutang yang matang) bagi membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi demi memastikan kesejahteraan rakyat, melindungi kelangsungan perniagaan dan merangsang semula ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Kesannya, hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat daripada RM793 bilion (52.4% KDNK) pada tahun 2019 kepada RM1,079.6 bilion (60.2% KDNK) pada akhir-2022.

Walau bagaimanapun, nisbah hutang kepada KDNK telah meningkat kepada 64.3% KDNK pada akhir 2023 berbanding 60.2% pada 2022 berikutan kadar pertumbuhan KDNK nominal pada 2023 yang lebih perlahan iaitu 1.6%, berbanding 15.8% pada 2022 di samping peningkatan paras hutang. Justeru, tumpuan perlu diberikan kepada usaha merencanakan pelaburan swasta bagi meningkatkan kapasiti dan produktiviti ekonomi seterusnya memacu pertumbuhan negara.

Berikutan krisis COVID-19, Kerajaan juga telah meminda had statutori hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) daripada 55% kepada 65% dalam tempoh pandemik menerusi pengubalan Akta

Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Kerajaan telah mengekalkan had statutori 65% selepas Akta 830 tamat tempoh kuasa setelah mengambil kira kesan lanjutan daripada peningkatan jumlah hutang yang mendadak semasa tempoh pandemik serta keperluan pembiayaan bagi meneruskan program dan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Kerajaan telah merangka strategi untuk mengurangkan paras hutang Kerajaan Persekutuan seperti berikut:

- i. Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara. Paras defisit fiskal telah menunjukkan trend penurunan iaitu pada kadar 5% daripada KDNK pada tahun 2023 berbanding 5.5% pada 2022. Defisit 2024 diunjur akan terus berkurang kepada 4.3% dan disasarkan kepada 3.8% pada 2025. Defisit fiskal yang semakin mengecil menunjukkan komitmen Kerajaan bagi memastikan sasaran defisit fiskal yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] pada kadar 3% daripada KDNK dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana.
- ii. Selaras dengan pengurangan defisit, hutang baharu oleh Kerajaan berkurang daripada RM99.4 billion pada 2022 kepada RM92.6 billion pada 2023 seterusnya kepada anggaran RM84.7 bilion pada 2024 dan disasarkan RM80 bilion pada 2025. Trend penurunan ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memastikan nisbah hutang kepada KDNK dapat dikurangkan supaya tidak melebihi 60% dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana seperti yang ditetapkan dalam Akta 850.
- iii. Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan supaya Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan

pembangunan (DE). Pada tahun 2024, Kerajaan telah melaksanakan langkah meningkatkan kutipan hasil antaranya meningkatkan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% dan pengenalan e-invois;

- iv. Mengoptimumkan perbelanjaan awam antaranya menerusi pelaksanaan penyasaran subsidi diesel mulai 10 Jun bagi mengurangkan pembaziran dan ketirisan di samping melindungi kesejahteraan golongan rentan. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi merasionalisasi badan berkanun dalam menangani pertindihan fungsi sekaligus memastikan perbelanjaan yang cekap;
- v. Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai DE yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang. Akta 850 menetapkan sasaran fiskal jumlah perbelanjaan pembangunan hendaklah tidak kurang 3% daripada KDNK; dan
- vi. Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek-projek mega dan kaedah pembiayaannya selain penetapan had siling jaminan Kerajaan melalui Akta 850 tidak melebihi nisbah 25% daripada KDNK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Baling, Kedah bagi persediaan musim tengkujuh yang akan menyebabkan banjir di Baling.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan dua (2) projek rancangan tebatan banjir (RTB) di Baling iaitu RTB Baling dan RTB Baling Fasa 2.
2. RTB Baling diluluskan dengan kos keseluruhan berjumlah RM15 juta merangkumi skop utama seperti menaiktaraf Sungai Kupang, menaiktaraf struktur lintasan dan pembinaan ban. Projek ini sedang dalam proses perolehan dan kerja fizikal dijangka bermula seawal November 2024.
3. Manakala RTB Baling Fasa 2 pula telah diluluskan di bawah Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (TBBT) dengan kos keseluruhan berjumlah RM156 juta. Projek ini yang dilaksanakan secara reka dan bina telah mula dilaksanakan pada Februari 2024 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2029.
4. Dengan terlaksananya projek ini, dianggarkan seramai 16,000 orang dengan kawasan seluas 9,000 hektar akan dapat dilindungi dari risiko bencana banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan mengambil kira defisit operasi RM18 bilion bagi separuh pertama 2024 berbanding surplus operasi RM4.6 bilion bagi tempoh sama tahun lalu di mana hasil Kerajaan menurun kepada RM139.1 bilion manakala perbelanjaan operasi meningkat kepada RM190.6 bilion, dengan defisit keseluruhan meningkat ke RM51.6 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Prestasi kutipan hasil Kerajaan pada separuh pertama 2024 mencatat RM139.1 bilion, manakala perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM157.1 bilion. Justeru, baki semasa kedudukan kewangan mencatat defisit sebanyak RM18 bilion. Situasi ini berlaku memandangkan terdapat keperluan perbelanjaan terutamanya berkaitan bantuan tunai kepada rakyat antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dibuat pada Januari dan April serta bayaran bantuan khas penjawat awam pada Februari dan April. Defisit ini akan diimbangi dengan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan yang kebiasaannya akan meningkat pada separuh kedua memandangkan syarikat hanya akan menyemak semula ansuran cukai bulanan selepas pindaan bulan keenam, kesembilan dan kesebelas.

Oleh itu, pada suku ketiga 2024 prestasi kedudukan kewangan mencatat prestasi lebih baik berikutan peningkatan kutipan hasil yang memberangsangkan. Jumlah hasil mencatat RM87.1 bilion antaranya disumbangkan oleh kutipan hasil cukai tidak langsung lebih tinggi, manakala perbelanjaan mengurus sebanyak RM76.3 bilion menjadikan baki semasa pada suku ketiga mencatat lebih sebanyak RM10.8 bilion. Prestasi ini dijangka berterusan pada suku keempat tahun ini.

Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan telah mengumumkan semakan semula unjuran bagi tahun 2024. Kutipan hasil pada 2024 dijangka meningkat 4.7% kepada RM322.1 bilion berbanding anggaran asal sebanyak RM307.6 bilion. Jumlah kutipan hasil ini dijangka mampu menampung perbelanjaan mengurus sebanyak RM321.5 bilion. Justeru, kedudukan kewangan dijangka mencatat lebih semasa sebanyak RM0.6 bilion. Pada 2025 lebih semasa diunjur meningkat kepada RM4.7 bilion selaras dengan jangkaan kutipan hasil lebih tinggi seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025.

Bagi memastikan kedudukan ini mampu dicapai, Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal di samping menyokong

agenda pembangunan negara. Beberapa inisiatif bagi menambah baik kutipan hasil akan diperkenalkan termasuk pelaksanaan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS). Selain itu, beberapa langkah cukai yang akan dilaksanakan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 termasuk semakan semula kadar cukai jualan dan skop cukai perkhidmatan, pelaksanaan cukai minimum global dan cukai karbon. Sementara itu, bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan antara langkah yang akan dilaksanakan termasuk menambah baik program pemberian subsidi pukal kepada mekanisme yang lebih bersasar. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi merasionalisasi badan berkanun dalam menangani pertindihan fungsi sekaligus memastikan perbelanjaan yang cekap.

Kerajaan akan terus menumpukan perhatian kepada pelaksanaan dasar strategik bagi membugar ekonomi, menjana perubahan dan mensejahtera rakyat. Pemakaian Akta 850 akan meningkatkan tadbir urus, kebertanggungjawaban, dan ketelusan dalam pengurusan kewangan awam. Kerajaan kekal komited untuk mengukuhkan kedudukan kewangan melalui pelaksanaan dasar fiskal berhemat bagi menyokong aktiviti ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat selari dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai status pelaksanaan projek sistem penggantian aerotrain KLIA termasuk perjanjian baharu yang dimeterai oleh MAHB serta anggaran peningkatan kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan penggantian aerotrain di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadualkan siap sepenuhnya dan memulakan operasinya pada suku pertama tahun 2025.
2. Fasa pengujian, pentauliahan (*testing and commissioning*) dan kelulusan beroperasi aerotrain telah bermula pada pertengahan September 2024.
3. Berhubung dengan perjanjian baharu yang dimeterai berkaitan pelan penggantian aerotrain, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menandatangani *Letter of Agreement* (LOA) dengan ALSTOM Transport Systems (Malaysia) Sdn. Bhd. (Alstom) dan JV IJM Construction Sdn. Bhd. Pestech Technology Sdn. Bhd. (IJMC-Pestech JV) pada 12 Januari 2024.
4. Berdasarkan analisis, pihak MAHB menjangkakan kos terkini ialah RM456.1 juta merangkumi kos cukai duti, faedah, pertukaran matawang asing, perbelanjaan mobilisasi semula serta caj penyelarasan projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
menyatakan:**

(a) status semasa projek Pembinaan Empangan Sungai Lebir di Kuala Krai memandangkan projek ini penting untuk mengurangkan risiko banjir setiap tahun serta melindungi nyawa dan harta benda ; dan

(b) bagaimana Kerajaan akan mempertimbangkan kelulusan bagi projek ini untuk mengelakkan lebih banyak kerugian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memohon projek pembinaan Empangan Lebir pada sesi pemeriksaan Bajet Pembangunan bagi Rolling Plan Kelima bagi Tahun 2025 (RP5 2025) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bersama pihak Kementerian Ekonomi. Jumlah kos dimohon untuk melaksanakan projek ini adalah RM3.6 billion.
2. Pembinaan Empangan Lebir adalah sebagai sebahagian komponen bagi melengkapkan pelan tebatan banjir di bawah Program Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 dan Fasa 2 yang kini sedang dilaksanakan.
3. Apabila siap kelak, pembinaan empangan ini dijangka akan memberikan perlindungan risiko banjir kepada lebih 40,000 keluarga. Selain itu, pembinaan Empangan Lebir turut berpotensi untuk menjadi takungan sumber air bagi memastikan kelangsungan operasi lima (5) loji rawatan air yang sering terjejas pada musim kemarau.
4. Bagi memastikan keterjaminan sumber makanan, pembinaan Empangan Lebir ini turut berupaya untuk melindungi kawasan penanaman padi seluas 45,000 hektar melibatkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin/Semerak dan skim padi luar jelapang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan berkaitan pendedahan oleh Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia berkenaan sindiket pemerdagangan manusia di Myanmar yang didakwa turut melibatkan pihak berkepentingan di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil serius dakwaan penglibatan rakyat Malaysia dalam sindiket pemerdagangan manusia yang beroperasi di Myanmar. PDRM sedang giat menyiasat isu tersebut. Setakat ini, seramai 11 individu telah dipanggil untuk diambil keterangan berkaitan kes tersebut.

Kertas siasatan telah dihantar ke pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Siasatan tersebut dilakukan dengan teliti dan melibatkan kerjasama erat dengan pihak berkuasa antarabangsa untuk memperkukuhkan bukti serta mendapatkan maklumat lanjut mengenai rangkaian sindiket ini.

PDRM komited untuk menangani isu pemerdagangan manusia secara menyeluruh, sambil memastikan keselamatan mangsa terjamin dan sindiket ini dapat dibanteras. Tindakan tegas akan diambil berdasarkan hasil siasatan yang diperolehi, dengan memastikan mana-mana individu yang terbukti terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) perkembangan terkini berkenaan pengambilan pelajar cemerlang bukan Bumiputera bagi mendapat tempat di matrikulasi; dan
- (b) adakah akan ada dasar baharu bagi mengubah kuota 10 peratus bukan Bumiputera ataupun adanya perancangan lain daripada pihak Kementerian bagi memastikan situasi menang-menang untuk semua.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 30 Jun 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Jun 2024 berhubung jaminan kemasukan ke peringkat Matrikulasi bagi pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat 10A dan ke atas tanpa mengira kaum dan latar belakang. Pengumuman ini adalah susulan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Jun 2024. Bagaimanapun, pengumuman ini turut memberi jaminan bahawa kouta bagi Bumiputera tidak akan terjejas dengan keputusan ini dan kekal dengan dasar sedia ada. Sehubungan dengan itu, semua pelajar cemerlang SPM 10A Bumiputera dan bukan Bumiputera yang memohon dan memenuhi syarat kelayakan telah ditawarkan ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

KPM juga telah menjalankan kerjasama dengan Bahagian Kemasukan Pelajar ke Institusi Pengajian Awam (BKPA) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi membantu pelajar cemerlang SPM 10A bagi mendapatkan peluang kemasukan ke Pusat Asasi/Diploma. KPM juga menyelaraskan kemasukan pelajar ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bersama-sama kemasukan ke Program Matrikulasi KPM bagi memastikan keseimbangan kemasukan pelajar cemerlang SPM 10A di kedua-dua institusi tersebut.

Bagi meningkatkan kapasiti pengambilan pelajar pada masa hadapan, KPM sedang membina bangunan asrama tambahan di Kolej Matrikulasi Kelantan (1,000 tempat) dan Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah (400 tempat) yang dijangka siap pada tahun 2025. Selain itu, KPM juga telah mendapat kelulusan bagi pembangunan kolej baharu bawah Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 4 (RP4) di negeri Sarawak yang boleh menampung sebanyak 2,500 tempat menjelang 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENA]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kementerian untuk tidak meneruskan perlesenan perjudian di negeri Kedah khususnya melibatkan cabutan nombor ramalan (NFO).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan (MOF) merupakan agensi yang bertanggungjawab mengawal selia aktiviti perjudian berlesen di Malaysia. Untuk makluman, memandangkan perkara ini masih dalam proses semakan kehakiman, MOF akan meneliti perkara ini selepas keputusan penghakiman diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI
ABDULLAH [LANGKAWI]**
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat aeroangkasa tempatan yang membuat bidaan untuk hangar-hangar yang kini telah dipajakkan kepada SIAEC dan apakah sebab Khazanah menolak bidaan syarikat tempatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Impeccable Vintage Properties (IVP), anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) **telah melaksanakan proses pemilihan syarikat aeroangkasa secara telus melalui dua (2) peringkat bagi memperluaskan operasi kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat awam/komersial bersaiz besar di hangar-hangarnya yang terletak di Kompleks Subang.**

Sebanyak 10 syarikat tempatan daripada jumlah keseluruhan 14 syarikat telah dijemput untuk menyertai peringkat pertama iaitu *Request for Information* (RFI) bagi tujuan pemajakan tiga (3) hangar di Kompleks Subang. Selepas penilaian terperinci, lima (5) syarikat termasuk empat (4) syarikat tempatan telah mara ke peringkat seterusnya iaitu *Request for Proposal* (RFP). **Hasil daripada proses ini, MAB Engineering Services Sdn Bhd (anak syarikat Malaysia Aviation Group) dan Base Maintenance Malaysia Sdn Bhd (anak syarikat SIA Engineering Company) telah dipilih sebagai penyewa jangka panjang bagi hangar-hangar di Kompleks Subang sebagai pembida terbaik.**

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membangunkan Subang sebagai hab aeroangkasa bertaraf dunia serta menyokong Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (MAIB2030), antara kriteria utama dalam pemilihan syarikat aeroangkasa sebagai penyewa jangka panjang hangar adalah seperti berikut:

- i. Rekod prestasi yang terbukti dalam MRO pesawat komersial bersaiz besar termasuk sumber perniagaan serta lesen dan akreditasi antarabangsa yang berkaitan;
- ii. Pelaburan pemangkin yang menjana manfaat ekonomi kepada negara termasuk modal baharu untuk menaik taraf hangar serta pemindahan teknologi;

- iii. Pelan pembangunan modal insan termasuk penciptaan peluang pekerjaan dan peningkatan kemahiran, khususnya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET); dan
- iv. Terma komersial yang berdaya saing serta kedudukan kewangan yang mampan.

Manakala maklum balas umum mengenai keputusan proses RFI/RFP, **antara sebab pembida tempatan selain MAB Engineering Services Sdn Bhd tidak berjaya** dalam bidaan hangar di Kompleks Subang adalah disebabkan oleh kurang atau tiada pengalaman mengendalikan kategori pesawat komersial bersaiz besar. Selain itu, kebanyakan daripada pembida tersebut tidak mempunyai akreditasi, pengalaman serta peralatan yang diperlukan untuk mengendalikan MRO bagi pesawat komersial bersaiz besar. Selain itu pembida yang tidak berjaya juga memohon untuk memajak hanya sebahagian daripada hangar sedia ada kerana tidak mempunyai pelanggan pihak ketiga yang mencukupi untuk mengisi kapasiti hangar sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, **perlu ditekankan bahawa IVP telah mengambil langkah proaktif dalam menyokong pembida tempatan** seperti:

- i. Mencadangkan jalinan kerjasama antara pembida tempatan dan serantau bagi memastikan mereka mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk mengemukakan bidaan yang kompetitif; dan
- ii. IVP juga telah menghubungi pengendali tempatan lain untuk menggalakkan penyertaan dalam proses RFI/RFP, namun mereka sama ada menolak atau memilih untuk meneruskan operasi mereka di hab MRO di Sepang.

Langkah proaktif yang diambil oleh IVP merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk membangunkan negara dan memperkukuh sektor aeroangkasa domestik. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh IVP dalam menyokong syarikat tempatan termasuklah menandatangani Surat Hasrat (*Letter of Intent*) pada tahun 2023 antara IVP dan MARA Corporation untuk membangunkan hangar tambahan di atas tanah milik bersama di Kompleks Subang, yang bertujuan

NO SOALAN : 41

menyokong aspirasi MARA Corporation untuk memperluaskan kedudukannya dalam industri aeroangkasa. Selain itu, pada awal tahun ini, IVP bersama MAB Engineering Services Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian untuk memajak hangar di Kompleks Subang yang membolehkan MAB Engineering Services Sdn Bhd mengembangkan operasi MRO mereka ke luar Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a)apakah formula pengiraan bayaran khas interim RM600 juta yang diumumkan Kerajaan kepada Sabah baru-baru ini; dan
- (b)sejauh manakah Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan diambil kira dalam pembayaran interim tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui platform Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63), komited untuk merundingkan kadar pemberian khas baharu kepada Sabah. YAB Perdana Menteri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) Bilangan 1 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 12 September 2024, telah mengumumkan kenaikan kadar pemberian khas kepada Sabah kepada RM600 juta bermula tahun 2025. Kadar baharu pemberian khas ini telah mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa ini, terdapat kes semakan kehakiman di mahkamah yang sedang berjalan mengenai tuntutan yang sama, iaitu kes Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia (NO.BKI-25-14/6-2022). Oleh itu, pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat kerana tidak menepati Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang mengelencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam timbangan mahkamah (*sub judice*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan bagi membantu penjawat awam yang membuat pembelian rumah dengan menggunakan pembiayaan daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) namun terkesan kerana rumah yang dibeli terbengkalai, bermasalah tanpa lesen dan projek sakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pembeli rumah di bawah pembiayaan perumahan LPPSA yang terlibat dengan projek terbengkalai/ bermasalah (tanpa lesen) / sakit yang disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT-Semenanjung) atau Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP – Sabah/ Sarawak), LPPSA menawarkan beberapa jenis bantuan berdasarkan kategori projek seperti berikut: -

- a. Projek terbengkalai/ bermasalah (tanpa lesen)
 - i. Penjadualan semula bayaran balik ansuran bulanan sehingga maksimum dua (2) tahun setakat jumlah pengeluaran bayaran berperingkat tuntutan kesiapan (progress claim) yang telah dibuat oleh LPPSA; atau
 - ii. Pengecualian faedah/keuntungan pembiayaan selama maksimum lima (5) tahun.

- b. Projek sakit
 - i. Penjadualan semula bayaran balik ansuran bulanan sehingga maksimum dua (2) tahun setakat jumlah pengeluaran bayaran berperingkat tuntutan kesiapan (progress claim) yang telah dibuat oleh LPPSA.

Daripada bulan Januari 2016 sehingga bulan Oktober 2024, LPPSA telah meluluskan: -

- i. Penjadualan semula bayaran balik ansuran bulanan kepada 561 peminjam yang terjejas dimana jumlah pengeluaran bayaran oleh LPPSA telah mencapai RM92.59 juta

- ii. Pengecualian faedah/keuntungan pembiayaan kepada 705 peminjam yang terjejas dengan anggaran berjumlah RM16.09 juta.

NO SOALAN : 43

LPPSA juga turut berkerjasama dengan Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT bagi pemulihan semula projek terbengkalai/ bermasalah (tanpa lesen)/ sakit yang melibatkan peminjam LPPSA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian akan meluaskan program perlindungan mySalam kepada golongan M40 dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mySalam telah dilancarkan pada tahun 2019 bagi menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima program bantuan tunai Kerajaan iaitu Sumbangan Tunai Rahmah yang berumur antara 18 hingga 65 tahun serta pasangan mereka.

Buat masa ini, Surat Ikatan Amanah Skim mySalam menetapkan bahawa manfaat skim mySalam hanya diperuntukkan untuk golongan B40 sahaja. Di bawah Belanjawan 2025 yang diumumkan baru-baru ini, Kerajaan telah menambahbaik manfaat perlindungan penyakit kritikal di bawah mySalam dengan memperkenalkan lima penyakit kritikal baharu bagi membantu golongan B40 yang berdepan dengan penyakit-penyakit yang mungkin kurang mendapat perhatian. Penambahbaikan ini menjadikan jumlah perlindungan penyakit kritikal di bawah mySalam meningkat daripada 45 kepada 50.

Pada masa yang sama, bagi membantu golongan M40, Kerajaan turut mengumumkan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran premium insurans pendidikan dan insurans perubatan dinaikkan kepada RM4,000 daripada RM3,000 bagi menggalakkan simpanan dana untuk pendidikan anak-anak dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan perubatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat diberi keutamaan termasuk untuk golongan M40. Cadangan perluasan mySalam kepada M40 juga turut diberi perhatian oleh Kerajaan. Kerajaan akan meneliti dan memperhalusi cadangan ini terlebih dahulu sebelum dilaksanakan bagi memastikan golongan M40 dapat menikmati perlindungan kesihatan yang wajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]
TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa nilai dan peratus pelaburan luar negara KWSP ketika ini dan daripada jumlah aset luar negara KWSP yang telah dijual, berapa peratus dilaburkan dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat September 2024, aset pelaburan KWSP adalah berjumlah RM1,222.34 bilion, di mana 37.8% atau RM462.12 bilion daripadanya dilaburkan di pasaran luar negara. Pelaburan KWSP kekal berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang membenarkan KWSP membuat pelaburan luar negara sehingga 39% dari jumlah keseluruhan dana pelaburan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP hanya membawa balik ke Malaysia dana mata wang asing lebihan yang terhasil daripada pendapatan pelaburan luar negara seperti dividen dan keuntungan.

Bagi pelaburan dalam negara pula, KWSP mengguna pakai aliran tunai bersih daripada caruman ahli untuk tujuan pelaburan. KWSP akan terus memberi keutamaan kepada pelaburan dalam negara dengan mengalokasikan lebih daripada 80% daripada alokasi dana tahunan untuk dilaburkan dalam pasaran tempatan.

Sekian, terima kasih.